

BENDERA ISLAM BERKIBAR DI ENGLAND

Jumlah penduduk Islam diEngland itu adalah kira-kira tiga puluh ribu orang mengandungi ahli-ahli diplomatik perusahaan, ahli-ahli tentera dan penuntut-penuntut termasuk anak pinak mereka . Meskipun mereka terdiri daripada berbagai-bagai bangsa seperti: Melayu, Arab, Pakistan Inggeris, dan lain-lain lagi tetapi mereka semuanya adalah berkumpul dalam suasana persaudaraan yang tinggi mutunya. Dibawah bendera yang berkibar. Iaitulah Islam!

(Oleh Ibn Batṭūṭah)

Kaum Islam di England ada mempunyai rumah-rumah persekutuan, tempat-tempat kumpulan di masjid-masjidnya, sebagaimana juga mereka mempunyai pusat-pusat pendidikannya, yang memancarkan cahaya, hidayah dan iman ke atas gariyat beritanya dan alam barat .

Di antara yang mashur ialah “Pusat Kebudayaan Islam” yang terletak di Region Park yang diketua oleh Doktor ‘Ali ‘Abdul Qādir yang sentiasa menghabiskan banyak tenaganya kerana menyambut kedatangan pelawat-pelawat mengaturkan perjumpaan-perjumpaan ramai dan majlis-majlis syarahan. Orang-orang yang melawat “Pusat kebudayaan Islam” yang terletak ditengah-tengah Bandar London itu akan melihat muka-muka yang manis dan lemah-lembut, akan mendengar kata-kata yang tenang, dan akan terasalah ia dengan perasaan yang dalam, bahawa dirinya seolah-olah sedang berada dalam sebuah negara Islam yang sangat-sangat tua keislamannya.

Di London ada didapati sebuah Jam‘iyah Islam yang lain, terkenal dengan nama “Persatuan Pendidikan Islam” . usaha persatuan ini besar sekali ialah mengeluarkan sebuah majalah Islam dengan bahasa Inggeris – majalah “Islamika Review” yang terkenal itu. Ketua pengarang Tuan “Abdul Majid ” yang tertera gambaranya disini.

Semashur-mashur masjid di England ialah Masjid “Shah Jehan” iaitu sebuah bangunan Islam yang tertua di Great Britain.


Apabila kita hendak mengkaji sejarah tersiarinya Islam Di England maka sudah tentu akan bertemu dengan nama Kapten Fleming Lady Histor Stanhock dan Lady Ilinbra .

Dalam tahun 1875 Lord Standing of Alderly telah memeluk Islam di Istanbul lalu menyandang nama ‘Abdul Rahmān . Ia telah meninggal dalam tahun 1903 dan telah dikuburkan



Masjid “Shah Jehan” sebuah Bangunan Islam

yang tertua di England .



Setengah daripada penduduk Islam di London sedang berjalan

Masuk ke Masjid Shah Jehan.

Menurut upacara Islam oleh anggota Pejabat Menteri Utusan kerajaan Turki di England.

Orang yang mula-mula mengenalkan Islam di England ialah Allahyarham ‘Abdullāh Kūwayliām yang telah memeluk Islam dalam tahun 1886 dalam masa ia berada Morocco .

Khidmatnya yang cemerlang ialah mendirikan sebuah masjid di Liverpool dan mengeluarkan dua buah majalah: “Bulan Sabit” dan “Dunia Islam” setelah menjalankan khidmatnya dalam penyebaran Islam selama kira-kira 40 tahun dan setelah berjaya menarik 500 orang Inggeris memeluk agama Islam maka pada 1922 ia pun meninggal dunia .

Di antara orang-orang yang berjasa menyebarkan Islam di England ialah Allahyarham ‘Abdullāh Sahrūdī yang datang dari Calcuta.

Ia telah mendirikan kesatuan Islam di London pada tahun 1905 dan kemudian telah balik ke India lalu mengeluarkan sebuah majalah bernama “Cahaya Dunia” .

Sejarah perkembangan Islam di England tidak melupai


Dr. Khalid Shadrik dan rakannya Khalid Simpson.

Kedua-duanya telah pernah melawat Malaya pada 20 tahun yang lalu.

Demikian juga usaha Khawajah Kamaluddin dengan majalahnya “Islamika Review” tukkan dapat dilupakan.


Marmadock Pictol seorang Inggeris yang telah memeluk agama Islam di Istanbul pada 1909 dan berkhidmat di Universiti Islam Hydrabad pun tidak kurang usahanya dalam penyebaran Islam. Namanya akan hidup selagi kitab tafsir – “Tafsir al-Quran Karim” dalam bahasa Inggeris berkekalan digunakan orang.

Demikian pula usaha Lydia Evalin Cobold yang telah memeluk Islam. Dalam masa umurnya 60 tahun ia telah naik haji. Kisah perjalanan ke Tanah Suci telah dijadikan buku lalu diterjemahkan ke bahasa Arab dan telah di-Melayukan oleh Dr Burhanudin bertajuk: “Mencari Allah” diterbitkan di Singapura dalam tahun 1936.



Tuan Abdul Hamid, ketua Pengarang Majalah “Islamika

Review “ sedang memerhati majalah itu dicetak.



Kaum Islam di England sedang berjejal-jejal dalam suatu keramaian membuka masjid Jamek yang baharu didirikan di "Cardiff" lihat huruf-huruf Islam sedang berkibar di angkasa England sebagai bukti bahawa huruf-huruf itu sentiasa dihargai dan dijunjung tinggi oleh umat Islam yang berbagai-bagai bangsa dan kasta, walau di mana sahaja mereka berada, hatta walaupun mereka berada di Kutub Utara atau di Kutub Selatan.

Pesanan Segera

4 Penggal Tamat

Penggal 1 dan 2

Sepenggal \$1.20

‘Umar Ibnu al-Khattāb oleh ‘Abdullāh Basmeh

Silalah pesan kepada

Qalam Press Ltd.. P.O Box 3031, Singapore
